


## KPDNHEP Pahang patahkan cubaan seleweng 900 liter diesel

[Asrol Awang](#)

[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)



Tangki keluli yang digunakan untuk mengisi minyak diesel dalam sebuah lori di Kuantan.  
FOTO / ihsan KPDNHEP Pahang

Kuantan: Seorang lelaki tempatan ditahan bersama 900 liter diesel bersubsidi pada serbuan di sebuah stesen minyak di Jalan Besar di sini, jam 12.30 tengah hari semalam.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Pahang Datuk Mark Ujin berkata, lelaki berumur 48 tahun terbabit ditahan ketika mengisi diesel ke dalam lori tiga tan.

"Pemeriksaan terhadap lori itu menemukan satu tangki keluli tambahan yang diubah suai di bahagian kabin belakang kenderaan terbabit.

"Turut ditemukan ialah pam yang digunakan untuk menyedut diesel ke tangki keluli terbabit. Kami menyita lori, diesel selain menahan suspek untuk siasatan lanjut," katanya dihubungi hari ini.

Menurut beliau, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Mark berkata, ia kes kedua pada bulan ini dengan yang pertama berlaku di sebuah stesen minyak di Indera Mahkota di sini, 2 Ogos lalu.

"Pada serbuan 2 Ogos lalu, kami menahan dua lelaki bersama 1,000 liter diesel yang sudah diisi dalam tangki lori tujuh tan dipandu.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang sentiasa menjalankan pemantauan di stesen minyak di negeri ini bagi mencegah ketirisan ini," katanya.

**Disiarkan pada: Ogos 16, 2022 @ 12:50pm**